

Atlet 'poket kering'

*Ketiadaan
pertandingan
mampu jejas
separuh jumlah
pendapatan*

Oleh Syazwan Msar
mohdsyazwan@
hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Nasib sebahagian besar atlet negara boleh dikatakan terumbang ambing untuk tempoh beberapa bulan akan datang apabila dijangka kehilangan lebih 50 peratus sumber pendapatan yang diperoleh daripada penyertaan kejo-

nan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Malah, keputusan beberapa badan induk sukan dunia yang menunda acara masing-masing pada tahun depan jelas sekali menyebab-



kan atlet tidak boleh menjana pendapatan masing-masing yang mengharapkan imbuhan kejohanan.

Sukan yang mungkin terjejas antaranya badminton, sepak takraw, hoki, olahraga, ragbi dan silat apabila kebanyakan atlet tidak menerima elaun tetap dengan mengharapkan penyertaan kejohanan se-

bagai imbuhan.

Pengarah Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Hanafiah Ayub menjelaskan perkara terbit agak membimbangkan terutama membabitkan su-

kan kurang popular apabila atletnya tidak menerima sebarang elaun atau mendapat jumlah penajaan besar daripada syarikat tertentu.

"Jika atlet berkenaan berada dalam kelompok elit mungkin terselamat kerana mempunyai elaun tetap dan juga penajaan syarikat sekali gus mampu bertahan untuk tempoh beberapa bulan.

"Namun, bagi atlet lain pula yang hanya mengharapkan elaun pertandingan dan hadiah kemenangan sebagai sumber pendapatan sudah tentu akan lebih terkesan," katanya, ketika dihubungi Arena Metro, semalam.

Selain itu, beliau berkata, berapa sukan lain seperti bola sepak mempunyai gaji bulanan dan elaun namun berbeza dengan atlet tertentu yang perlu berusaha menerusi penyertaan pertandingan bagi memastikan memperoleh sumber pendapatan konsisten.

"Atlet yang mempunyai pendapatan lumayan dalam sukan tertentu mungkin tidak begitu terkesan, tetapi bagi sukan-sukan yang biasa pasti ia situasi sukar buat mereka," katanya.